

04/01/2000

Jurulatih induk kendali kursus

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Tertinggi (MT) Umno akan melatih sekumpulan jurulatih induk bagi mengendalikan kursus penerangan khas kepada seluruh ahli parti tidak lama lagi.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ahli MT, yang dibantu sekumpulan tenaga lain, akan menemui jurulatih terbabit pada 11 Januari ini bagi menjelaskan beberapa perkara membabitkan masa depan Umno, orang Melayu dan negara.

"Ia mengenai perjuangan Umno, masalah yang dihadapi Umno, orang Melayu dan negara kita yang berbilang kaum supaya pengetahuan politik mereka mencukupi bagi mereka menyampaikan kursus ini kepada semua ahli parti.

"Kita juga akan gunakan kursus ini untuk menjelaskan mengenai Umno dan perjuangannya supaya semua ahli dapat faham dengan lebih mendalam mengenai perjuangan Umno dan sebab mereka berada dalam Umno.

"Kita mahu ahli Umno lebih berpengetahuan mengenai Umno dan dengan itu menjadi lebih komited," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT di Ibu Pejabat Umno, hari ini.

Dr Mahathir berkata, kursus penerangan itu juga akan disertai program mengesahkan keanggotaan Umno supaya ahli yang meninggal dunia atau yang tidak ada lagi dalam Umno, dapat diasingkan.

Beliau berkata, kursus berkenaan akan dianjurkan sebelum perhimpunan agung Umno dan setakat ini jenteranya sudah ditubuhkan.

Dr Mahathir berkata, MT juga mengesahkan bahawa semua menteri besar dan ketua menteri menjadi Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri serta mengumumkan empat pengerusi baru.

Mereka ialah Menteri Besar Pahang, Datuk Adnan Yaakob bagi Pahang, Ketua Menteri Melaka, Datuk Mohd Ali Rustam (Melaka), Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Razak Syed Zain (Kedah) dan Menteri Besar Perak, Datuk Tajol Rosli Ghazali (Perak).

Tengku Razaleigh Hamzah kekal pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan manakala Terengganu dipengerusikan oleh Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sebelum ini, Umno Pahang diketuai Tan Sri Khalil Yaakob yang kini Menteri Penerangan dan Setiausaha Agung Umno, Melaka oleh Datuk Abu Zahar Isnin yang kini Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Kedah oleh bekas Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan Perak oleh bekas Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib yang kini Timbalan Menteri Pengangkutan.

Dr Mahathir juga berkata, Umno akan meneruskan perhubungan dengan ulama dan beliau sendiri yang akan mengadakan perjumpaan dengan mereka bagi berbincang mengenai dakwaan tertentu pembangkang khususnya Pas, ketika pilihan raya umum lalu.

Jumaat lalu, beliau mengadakan perjumpaan dan perbincangan lebih dua jam dengan sekumpulan 184 ulama dan tokoh agama dari seluruh negara di Putrajaya.

Kumpulan itu terdiri daripada mufti, tok guru, tokoh agama dan pensyarah dari institusi pengajian tinggi tempatan, sekolah, pondok agama serta wakil rakyat yang memegang jawatan Exco agama negeri.

Perjumpaan itu bertujuan mendapatkan maklum balas daripada kumpulan ulama bagi membolehkan pucuk pimpinan kerajaan mengetahui hal berkaitan agama dan institusi agama.

Ia juga bertujuan memperbaiki, mengubah serta mengemas kini hak berkaitan agama dan institusi agama.

(END)